

# Dasar Transaksi Perdagangan. Bahagian 1

Berkuat kuasa pada 01 Februari 2017

Dikemas kini pada 02 April 2020

## Kandungan:

1. [Peruntukan Umum](#)
2. [Mesej](#)
3. [Membuat Dagangan](#)
4. [Menutup Dagangan, Mengira Pembayaran Pulangan](#)
5. [Masa Dagangan](#)
6. [Situasi luar biasa](#)

## 1. Peruntukan Umum

1.1. Dasar Transaksi Perdagangan ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Dasar”) menentukan prosedur dan syarat-syarat Syarikat menjalankan transaksi perdagangan dengan Klien.

1.2. Dasar ini mentakrifkan prosedur untuk memproses dan melaksanakan pesanan untuk membuat dan menutup dagangan.

1.3. Syarikat berjanji untuk menjalankan operasi perdagangan mengikut Dasar sepenuhnya.

1.4. Klien memperakui bahawa satu-satunya sumber maklumat yang boleh dipercayai mengenai suapan sebut harga ialah pelayan Syarikat semata-mata. Tambahan pula, Syarikat mempunyai hak, mengikut budi bicaranya, untuk menggunakan apa-apa sumber maklumat untuk membentuk suapan sebut harga pada pelayan Syarikat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, dagangan bursa, di kaunter, dan sumber maklumat yang lain. Apa-apa maklumat pada suapan sebut harga yang berbeza daripada yang didapati pada pelayan Syarikat mengenai suapan sebut harga tidak memberikan asas yang cukup untuk pembatalan, penamatan atau semakan transaksi perdagangan. Sebut harga pada Terminal Perdagangan tidak boleh menjadi sumber maklumat yang boleh dipercayai mengenai suapan sebut harga kerana sekiranya terdapat sambungan yang tidak stabil antara Terminal Perdagangan Klien dengan pelayan Syarikat, sesetengah sebut harga daripada suapan sebut harga mungkin tidak dipaparkan pada Terminal Perdagangan. Graf yang dipaparkan pada Terminal Perdagangan adalah indikatif. Syarikat tidak menjamin bahawa suatu dagangan akan dibuat pada harga yang ditunjukkan dalam graf pada Terminal Perdagangan pada masa peruntukan permintaan atau pesanan tertentu Klien. Harga aset yang disenaraikan pada Terminal Perdagangan dikira seperti berikut:  $(\text{permintaan} + \text{bidaan}) / 2$ .

1.5. Sekiranya sebut harga bukan pasaran digunakan untuk melaksanakan pesanan Klien, dan "sebut harga bukan pasaran" merujuk kepada harga dalam Terminal Perdagangan yang tidak sepadan dengan harga pasaran apabila pesanan Klien dilaksanakan, Syarikat mempunyai hak untuk membatalkan hasil kewangan transaksi sedemikian.

1.6. Klien mempunyai hak untuk membuat dagangan hanya dengan menggunakan dana dalam akaun Klien.

1.6.1. Sekiranya jumlah dana yang tersedia adalah cukup untuk membuat dagangan, dagangan akan dibuat.

1.6.2. Sekiranya jumlah dana yang tersedia adalah tidak cukup untuk membuat dagangan, dagangan tidak akan dibuat.

1.7. Pesanan Klien untuk membuat dagangan atau menutup dagangan secara pramatang dianggap telah lengkap, dan dagangan dianggap telah dibuat atau, dengan sewajarnya, ditutup selepas rekod yang sepadan muncul di pangkalan data Syarikat. Setiap dagangan diberikan kod pengenalan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Syarikat. Pesanan yang disebut sebelum ini dilaksanakan mengikut harga sebutan terakhir pada pelayan Syarikat apabila Syarikat telah menerima pesanan yang berkaitan.

1.8. Apabila membuat dagangan, Klien dilarang daripada:

1.8.1. menggunakan algoritma robot dan automatik untuk melaksanakan transaksi dan/atau menggunakan alat perisian khusus yang memastikan bahawa transaksi dilaksanakan tanpa penyertaan langsung Klien;

1.8.2. menggunakan perkhidmatan Syarikat dan/atau perisian untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau penipuan, atau untuk apa-apa transaksi yang menyalahi undang-undang atau penipuan (termasuk pelaburan wang haram) mengikut perundangan negara lokasi Klien;

1.8.3. melaksanakan tindakan yang diselaraskan dengan Klien lain Syarikat yang bertujuan untuk menyebabkan kerosakan (kerosakan-kerosakan) kepada Syarikat, dan menggunakan kaedah dan cara lain yang tidak adil dan tidak jujur untuk membuat dagangan (transaksi) dengan Syarikat untuk mendapatkan hasil kewangan daripada tindakan sedemikian.

1.9. Syarikat mempunyai hak untuk mengenakan sekatan berikut terhadap Klien pada bila-bila masa mengenai syarat-syarat dagangan berikut:

1.9.1. had pada jumlah Dagangan minimum dan maksimum bagi setiap aset;

1.9.2. had pada jumlah bilangan/jumlah amaun Dagangan bagi dagangan yang dibuat oleh Klien dan/atau bilangan/jumlah amaun Dagangan bagi dagangan yang dibuat oleh Klien mengenai aset tertentu dalam tempoh masa yang diberikan yang ditetapkan oleh Syarikat (selang masa ditetapkan oleh Syarikat);

1.9.3. had pada jumlah amaun Dagangan bagi dagangan yang dibuka secara serentak oleh Klien, kedua-dua secara kolektif dan untuk setiap aset yang berasingan;

1.9.4. sekatan lain bagi mana-mana syarat dagangan mengikut budi bicara Syarikat.

## **2. Mesej**

2.1. Bagi permintaan, pengesahan, laporan, dan banyak lagi, Klien dan Syarikat akan berinteraksi melalui mesej. Interaksi antara Syarikat dengan Klien, termasuk penjaan mesej oleh Klien, menghantar dan menyampaikan mesej kepada Klien, akan dijalankan secara eksklusif melalui Terminal Perdagangan.

2.2. Semua mesej yang dihantar kepada Syarikat melalui Terminal Perdagangan dan disahkan melalui nama pengguna dan kata laluan Klien dianggap telah dihantar oleh Klien.

2.3. Masa pemprosesan untuk permintaan dan pesanan bergantung pada kualiti sambungan antara Terminal Perdagangan Klien dengan pelayan Syarikat, dan keadaan pasaran semasa aset. Dalam keadaan pasaran normal, masa yang diperlukan untuk memproses permintaan atau pesanan Klien

biasanya mengambil masa 0-5 saat. Dalam keadaan pasaran selain daripada pasaran normal, masa pemrosesan untuk permintaan dan pesanan Klien boleh ditingkatkan oleh Syarikat.

2.4. Pelayan syarikat boleh menolak permintaan dan/atau pesanan Klien dalam kes-kes berikut:

- jika Klien menghantar permintaan sebelum sebut harga pertama muncul pada Terminal Perdagangan sebaik sahaja pasaran atau sesi dagangan dibuka;
- jika Klien tidak mempunyai dana tersedia yang mencukupi untuk membuka kedudukan baharu;
- dalam keadaan pasaran yang tidak normal;
- dalam kes-kes lain yang boleh diputuskan oleh Syarikat mengikut budi bicaranya.

### **3. Membuat dagangan**

3.1. Dagangan dibuat apabila Klien dan Syarikat bersetuju dengan syarat-syarat penting dagangan. Persetujuan dicapai dengan cara pertukaran mesej, seperti permintaan untuk membuat dagangan dan pengesahan dagangan. Peruntukan Dasar yang berikut menerangkan prosedur untuk bersetuju dengan syarat-syarat penting perdagangan.

3.2. Sebelum membuat dagangan, Klien memilih syarat-syarat penting transaksi perdagangan (dagangan) yang berikut:

- aset pendasar,
- arah perubahan kadar,
- jumlah dagangan,
- masa tamat tempoh Fixed Time Trade, dan
- nilai sasaran sebut harga aset (tahap sasaran, kadar sasaran).

3.3. Selepas memilih syarat-syarat yang disebut sebelum ini, Klien hendaklah menyemak kadar semasa aset yang dipilih dan nisbah pembayaran pulangan.

3.4. Untuk membuat dagangan, Klien menghantar permintaan kepada Syarikat untuk membuat dagangan yang mengandungi semua syarat-syarat penting perdagangan yang dinyatakan di atas, kedua-duanya dipilih oleh Klien dan dicadangkan oleh Syarikat.

3.5. Jika terdapat sambungan internet yang stabil antara Terminal Perdagangan Klien dengan pelayan Syarikat, permintaan untuk membuat dagangan dihantar ke pelayan Syarikat, dan ia diperiksa untuk ketepatan dan pematuhan dengan keadaan pasaran semasa. Kemudian, permintaan tersebut sama ada dilaksanakan atau ditolak oleh pelayan. Sekiranya dagangan dibuat, jumlah dagangan akan ditolak daripada baki akaun Klien. Tiada komisen dikenakan kerana membuat dagangan.

3.6. Permintaan untuk membuat dagangan mungkin dibatalkan jika:

- jumlah Dagangan melebihi baki akaun Klien;
- masa untuk menerima dagangan telah tamat tempoh;
- masa untuk berdagang dalam aset yang dipilih telah berakhir;

- terdapat perubahan yang ketara dalam kadar aset dari ketika Klien menghantar permintaannya sehingga ketika pelayan Syarikat memprosesnya;
- syarat-syarat lain, yang ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicaranya, telah timbul;
- dalam situasi luar biasa yang diterangkan di bawah.

3.7. Pelayan syarikat menghantar mesej dengan keputusan permintaan untuk membuat dagangan ke Terminal Perdagangan Klien. Sekiranya terdapat sambungan internet yang stabil antara Terminal Perdagangan Klien dengan pelayan Syarikat, mesej dengan keputusan permintaan akan dipaparkan dalam Terminal Perdagangan Klien. Jika pesanan telah dilaksanakan, Klien akan melihat pengesahan grafik dalam Terminal Perdagangan, dan maklumat tentang dagangan akan muncul di bahagian Terminal Perdagangan yang sepadan. Jika permintaan untuk membuat dagangan telah dibatalkan, Klien akan melihat satu mesej ralat.

3.8. Sekiranya selepas menghantar permintaan untuk membuat dagangan Klien tidak menerima pengesahan grafik bahawa dagangan telah dibuat, maklumat tentang dagangan baharu dalam bahagian Terminal Perdagangan yang sepadan, atau mesej ralat, Klien tidak boleh memastikan sama ada dagangan telah dibuat atau dibatalkan. Klien mempunyai hak untuk menghubungi Sokongan Pelanggan untuk menyemak status dagangan.

3.9. Klien tidak boleh membatalkan permintaan untuk membuat dagangan selepas ia telah dihantar ke pelayan Syarikat.

3.10. Maklumat tentang nisbah pembayaran pulangan yang diterbitkan pada laman web Syarikat merupakan anggaran. Syarikat tidak diwajibkan untuk membuat dagangan mengikut nisbah pembayaran pulangan yang ditunjukkan pada laman web. Maklumat tepat tentang nisbah pembayaran pulangan dipaparkan kepada Klien pada Terminal Perdagangan selepas syarat-syarat penting perdagangan telah dipilih dan pesanan Klien telah diproses.

#### **4. Menutup Dagangan, Mengira Pembayaran Pulangan Dagangan**

4.1. Dagangan ditutup secara automatik pada Masa Tamat Tempoh Fixed Time Trade. Apabila dagangan ditutup, jumlah pembayaran pulangan pada Fixed Time Trade dikira. Jumlah pembayaran pulangan ini ditambah ke dalam baki akaun Klien dan dagangan hilang daripada senarai dagangan terbuka dalam Terminal Perdagangan.

4.2. Pengiraan pembayaran pulangan Fixed Time Trade apabila dagangan ditutup pada Masa Tamat Tempoh Fixed Time Trade adalah seperti berikut: jika Fixed Time Trade berada dalam keadaan Hitam (menguntungkan) pada Masa Tamat Tempoh dagangan, jumlah pembayaran pulangan ialah  $S \cdot (100 + K) / 100$ , iaitu S ialah jumlah Dagangan dan K ialah nisbah pembayaran pulangan bagi dagangan sebagai peratusan. Jika Fixed Time Trade berada dalam keadaan Merah (tidak menguntungkan) pada Masa Tamat Tempoh dagangan, jumlah pembayaran pulangan ialah sifar. Fixed Time Trade dianggap berada dalam keadaan Hitam dalam kes-kes berikut:

- a) arah perubahan kadar adalah "Naik" jika kadar aset dagangan pada masa yang diberikan adalah lebih tinggi daripada tahap sasarannya;
- b) arah perubahan kadar adalah "Turun", jika kadar aset dagangan pada masa yang diberikan adalah lebih rendah daripada tahap sasarannya. Jika kadar aset dagangan adalah sama dengan tahap sasarannya pada Masa Tamat Tempoh Fixed Time Trade, dan Fixed Time Trade tidak berada dalam keadaan Hitam ataupun Merah, jumlah Dagangan akan dikembalikan ke dalam akaun Klien. Dalam semua kes yang lain, Fixed Time Trade dianggap berada dalam keadaan Merah.

4.3. Atas permintaan Klien, dagangan boleh ditutup secara pramatang sebelum Masa Tamat Tempoh Fixed Time Trade dengan syarat bahawa Syarikat mempunyai keupayaan teknikal untuk berbuat demikian dan terdapat sambungan internet yang stabil antara Terminal Perdagangan Klien dengan pelayan Syarikat.

4.4. Penutupan dagangan pramatang memerlukan perjanjian tentang syarat-syarat penting bagi penutupan dagangan antara Klien dengan Syarikat. Persetujuan dicapai dengan cara pertukaran mesej seperti permintaan untuk menutup dagangan dan pengesahan penutupan dagangan. Bahagian Dasar yang berikutnya menjelaskan prosedur untuk bersetuju dengan syarat-syarat penting untuk menutup dagangan.

4.5. Untuk menutup dagangan, Klien hendaklah memilih dagangan yang mahu ditutupnya dan menghantar permintaan yang sepadan. Tambahan pula, Klien hendaklah menyemak syarat penting untuk menutup dagangan bagi dagangan terbuka yang dipilih - jumlah pembayaran pulangan bagi penutupan pramatang dagangan ini. Jumlah pembayaran pulangan bagi penutupan pramatang dagangan ditentukan secara eksklusif mengikut budi bicara Syarikat berdasarkan satu pihak dan bergantung pada jumlah dagangan, tempohnya, sebut harga aset semasa dan sasaran, ketaktentuan pasaran, dan keadaan pasaran yang lain.

4.6. Jika terdapat sambungan internet yang stabil antara Terminal Perdagangan Klien dengan pelayan Syarikat, permintaan untuk penutupan dagangan pramatang dihantar ke pelayan Syarikat, dan ia diperiksa untuk ketepatan dan pematuhan dengan keadaan pasaran semasa. Kemudian, permintaan tersebut sama ada dilaksanakan atau ditolak oleh pelayan. Jika dagangan ditutup, pembayaran pulangan ditambah ke dalam baki Akaun Klien. Tiada komisen dikenakan untuk penutupan dagangan pramatang.

4.7. Permintaan untuk penutupan dagangan pramatang boleh dibatalkan dalam kes-kes berikut:

- masa untuk penutupan dagangan pramatang telah tamat tempoh;
- terdapat perubahan yang ketara dalam kadar aset dari ketika Klien menghantar permintaannya sehingga ketika pelayan Syarikat memprosesnya;
- semasa berlakunya syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Syarikat mengikut budi bicaranya;
- dalam situasi luar biasa yang diterangkan di bawah.

4.8. Pelayan Syarikat menghantar mesej dengan keputusan permintaan untuk menutup dagangan secara pramatang kepada Terminal Perdagangan Klien. Jika terdapat sambungan internet yang stabil antara Terminal Perdagangan Klien dengan pelayan Syarikat, keputusan permintaan bagi penutupan dagangan pramatang akan dipaparkan dalam Terminal Perdagangan Klien.

4.9. Sekiranya selepas menghantar permintaan untuk menutup dagangan secara pramatang, keputusan tidak dipaparkan di Terminal Perdagangan dalam masa yang munasabah, Klien tidak boleh memastikan sama ada dagangan telah ditutup atau penutupan dagangan telah dibatalkan. Klien mempunyai hak untuk menghubungi Sokongan Pelanggan untuk menjelaskan keputusan permintaan.

4.10. Klien tidak boleh membatalkan permintaan untuk menutup dagangan pramatang selepas ia telah dihantar ke pelayan Syarikat.

4.11. Maklumat tentang pembayaran pulangan untuk penutupan dagangan pramatang yang diterbitkan pada laman web Syarikat merupakan anggaran. Maklumat tepat tentang jumlah

pembayaran pulangan dipaparkan dalam Terminal Perdagangan selepas permintaan untuk menutup dagangan secara pramatang telah diproses.

## **5. Masa Dagangan**

5.1. Syarikat menetapkan jadual dagangan, cth. waktu apabila dagangan boleh dibuat dan ditutup, secara berasingan bagi setiap aset.

5.2. Maklumat tentang masa dagangan yang diterbitkan pada laman web Syarikat, yang tersedia secara bebas, merupakan anggaran. Syarikat mempunyai hak untuk mengubah masa dagangan mengikut budi bicaranya.

## **6. Situasi luar biasa**

6.1. Dalam situasi luar biasa yang dicirikan oleh keadaan selain daripada normal, tindakan Syarikat mungkin berbeza daripada yang diterangkan dalam Dasar semasa pelaksanaan transaksi perdagangan.

6.2. Situasi luar biasa termasuk:

- keadaan pasaran yang sebut harga mencapai platform perdagangan kurang kerap berbanding dalam keadaan pasaran normal bagi tempoh masa yang lama,
- keadaan pasaran yang dicirikan oleh perubahan pantas dalam kadar dalam tempoh masa yang singkat,
- penerbitan petunjuk makroekonomi yang utama dengan darjah impak yang tinggi pada pasaran kewangan,
- pengumuman keputusan kadar faedah oleh bank pusat;
- penampilan umum, pembentangan bank pusat, ketua negeri, menteri kewangan, ketua syarikat dan pertukaran, dll.;
- campur tangan pasaran pertukaran asing (manipulasi mata wang) oleh badan kerajaan,
- tindakan pengganas dan bencana alam pada skala seluruh negara,
- cetusan peperangan, tindakan ketenteraan, rusuhan,
- kejadian force majeure politik, termasuk peletakan jawatan, pelantikan, pemilihan wakil kerajaan, dan ketua syarikat,
- Glic teknikal dan/atau operasi peralatan dan perisian Syarikat dan/atau pihak ketiga yang tidak betul yang mengakibatkan ketidakupayaan Syarikat untuk memberikan perkhidmatan kepada Klien dengan cara yang sewajarnya,
- situasi yang disenaraikan dalam Fasal 7.1. Perjanjian Perkhidmatan, Bahagian 1, dan
- keadaan lain yang ekstrem dan tidak dapat dielakkan (force majeure).

6.3. Dalam situasi luar biasa, Syarikat akan melakukan setiap usaha untuk melaksanakan transaksi perdagangan sebagaimana dalam keadaan biasa, namun, Syarikat mempunyai hak untuk:

a) mengurangkan nisbah pembayaran pulangan,

- b) menolak permintaan individu untuk pembuatan, penutupan secara pramatang atau pembatalan dagangan, dan untuk semakan (termasuk pembatalan) hasil kewangan bagi dagangan yang dibuat sebelumnya,
- c) menghadkan bilangan permintaan daripada seorang Klien dalam tempoh masa tertentu,
- d) hadkan Masa Tamat Tempoh Fixed Time Trade,
- e) menggantung dagangan yang berkaitan dengan jenis aset tertentu buat sementara waktu, dan/atau
- f) menggantung transaksi perdagangan dengan sepenuhnya.

6.4. Selain daripada situasi luar biasa yang dinyatakan dalam Fasal 6.2. Dasar ini, Syarikat mempunyai hak untuk menggunakan tindakan khusus atau semua tindakan yang dinyatakan dalam Fasal 6.3. Dasar ini mengikut syarat-syarat lain Dasar dan/atau Perjanjian.